BAB I

PENDAHULUAN

A. Latar Belakang Masalah

Sarawak memang cukup dikenal sebagai negeri yang mempunyai pelbagai masyarakat yang unik dan sukar untuk di dapati di tempat lain. Untuk mengetahui latar belakang serta kepelbagaian masyarakat yang terdapat di Sarawak, rasanya tidak cukup jika sekadar dengan membaca buku tanpa melihat sendiri gaya hidup serta suasana penempatan masyarakat-masyarakat tersebut. Sarawak juga dikenal sebagai Bumi Kenyalang. Negeri ini merupakan negeri yang terbesar di Malaysia dengan keluasan kira-kira 124,449.51 km2 dan terletak di Pulau Borneo iaitu di Malaysia Timur. Sarawak terkenal dengan pecahan masyarakat yang tersendiri iaitu kira-kira 27 kumpulan. Antara masyarakat yang terdapat di Sarawak ialah Iban, Bidayuh, Melanau, Kayan, Kenyah, Lun Bawang, Penan, Kelabit, Kedayan, Bisaya, Berawan, Lahanan, Sekapan, Kejaman, Punan, Baketan, Ukit, Sihan, Tagal, Tabun, Saban, Lisum, Longkiput dan lain-lain.[1]

Masyarakat dalam istilah bahasa Inggris adalah *society* yang berasal dari kata Latin, *socius* yang berarti (kawan). Istilah masyarakat berasal dari kata bahasa Arab, *syaraka* yang berarti (ikut serta dan berpartisipasi). Masyarakat adalah sekumpulan manusia yang saling bergaul, dalam istilah ilmiah adalah

[1]Jabatan Penerangan Malaysia, "Profil Negeri Sarawak", dalam http: //www. sarawak. gov. my/ (30 Maret 2016)

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

saling berinteraksi. Suatu kesatuan manusia dapat mempunyai prasarana melalui warga-warganya dapat saling berinteraksi. Definisi lain, masyarakat adalah kesatuan hidup manusia yang berinteraksi menurut suatu sistem adat istiadat tertentu yang bersifat berterusan, dan yang terikat oleh suatu rasa identitas bersama.

Masyarakat Melanau merupakan salah satu masyarakat yang ada di Sarawak yang mempunyai adat dan keistimewaan tersendiri. Menurut statistik 2010 yang diambil dari Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 dan yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, masyarakat Melanau merupakan suku masyarakat kelima terbesar di Sarawak dengan peratusan 5% iaitu sebanyak 123,410 orang daripada keseluruhan 2,471,140 orang. Bagi masyarakat yang beragama Kristian yang ada di Sarawak, dapat diketahui bahawa anggaran kasar dengan peratusan 42.6% yang berjumlah 1,020,390 berbanding orang yang beragama Islam yang agak sedikit kurang dengan peratusan 32.2% yang berjumlah 772,847. Namun bagi masyarakat Melanau, dapat diketahui secara umum bahawa kebanyakan mereka memeluk agama Islam.

Umumnya masyarakat Melanau mempunyai persamaan dengan masyarakat Melayu baik dari segi kepercayaan, kebudayaan dan adat resam. Boleh dikatakan bahawa masyarakat ini merupakan salah satu bagian dalam masyarakat Melayu. Namun begitu, masyarakat Melanau tetap mempunyai budaya dan adat istiadat mereka yang tersendiri. Adat istiadat ini jelas terlihat dalam aspek kehidupan mereka seperti kelahiran, perkawinan dan juga

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

kematian. Adat istiadat atau amalan ini diwarisi sejak zaman berzaman dan masih diteruskan hingga ke hari ini.

Ada beberapa pandangan dari tokoh-tokoh barat mengenai asal usul orang Melanau yang diantaranya adalah; Moris (1978) mengaitkan orang Melanau sebagai orang Kajang, MacDonald (1958) sebagai orang Kayan manakala Edwards dan Stevens (1971) sebagai orang Kanowit. Dari segi *dialek* (bahasa penuturan), menurut Aloysius (1997), *dialek* Melanau ada kala timbul masalah kerana terdapat lima atau enam *dialek* yang sukar difahami dan menyebabkan memerlukan kepada bantuan medium komunikasi yang lain. Perkara ini perlu dilihat sebagai faktor yang menyatukan di mana kesemua *dialek* tersebut diketahui dan dikenal pasti dalam masyarakat itu sendiri. Kepelbagaian *dialek* Melanau itu digunakan secara lazim dalam percakapan tradisional dan mereka menggunakan secara bebas sama ada dalam hiburan dan nyanyian.

Menurut Saiee Driss (1996), perkara yang menarik mengenai masyarakat Melanau ialah wujudnya toleransi dan luasnya konsep identiti yang dipegang mereka sehinggakan begitu payah sekali untuk mentakrifkan siapa Melanau. Secara tradisi memang mudah untuk mengenal identiti dan ciri-ciri Melanau tetapi akibat terlalu mudah menyesuaikan diri dengan suasana dan keadaan, maka batas identiti sekarang tinggal pada amalan dan adat sahaja. Demikianlah antara faktor yang mempengaruhi terhakis identiti. Mereka tidak sungkan mengaku Melayu atau diterima sebagai Melayu apabila mereka menganut agama Islam. Setiap kumpulan masyarakat walau di

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

manapun akan mempunyai kepercayaan dan adat masing-masing yang tidak dapat ditinggalkan. Begitu juga dengan masyarakat Melanau.

Dalam adat perkawinan, masyarakat Melanau menampilkan beberapa ciri menarik. Perkawinan dalam masyarakat Melanau mengandungi beberapa adat istiadat yang sangat diambil berat kerana implikasi sosial yang terdapat padanya. Aspek pangkat dititikberatkan dalam institusi perkawinan berbanding dengan institusi yang lain. Masyarakat Melanau juga begitu mementingkan status sosial mereka. Namun begitu, asas adat perkawinan adalah sama seperti masyarakat lain iaitu *merisik*, *meminang* dan majlis perkawinan.[2] Berikut akan dijelaskan secara umum terlebih dahulu mengenai *merisik, meminang* dan majlis perkawinan.

1. *Merisik*

   Merisik adalah adanya wakil dari pihak laki-laki datang kerumah orang yang hendak dipinang. Mereka datang untuk mengambil tahu atau *merisik* tentang perempuan. *Merisik* adalah satu langkah pertama untuk pasangan mendirikan rumahtangga. Amalan ini menjadi kebiasaan bagi pihak lelaki untuk datang ke rumah keluarga si perempuan yang bakal dijadikan teman hidupnya. Walaupun begitu, tidak salah sekiranya pihak perempuan merisik lelaki yang menjadi pilihannya. Tujuan daripada *merisik* adalah hendak menanyakan perihal anak perempuan keluarga tersebut sama ada sudah dipinang, atau apakah si perempuan sudah

[2]Yasir Abdul Rahman, *Melanau Mukah: Satu Kajian Budaya* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), 6-10.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

mempunyai pilihan orang atau belum.[3] Jika belum, maka si pihak lelaki akan datang ke rumah pihak perempuan sambil menyatakan hajat pihak lelaki untuk melamarnya. Sekiranya *risikan* itu mendapat jawaban yang positif, maka pihak lelaki bolehlah membuat keputusan sama ada hendak meneruskan hasratnya atau membatalkannya.

2. *Meminang*

Setelah pihak lelaki datang *merisik* pihak perempuan, maka proses kedua adalah *Meminang. Meminang* bermaksud menyatakan hasrat untuk menjadikan anak perempuan pihak yang dirisik sebagai bakal isteri dan hasrat ini sama ada diterima atau ditolak oleh keluarga pihak perempuan,walaupun pada kebiasaannya kemungkinan diterima daripada ditolak. Dalam adat *meminang*, pihak lelaki akan membawa sesuatu hadiah dan barang yang boleh dijadikan tanda pertunangan, seperti cincin pertunangan. Dengan kata lain, cincin itu menjadi tanda bahwa anak perempuan keluarga itu telah diikat janji untuk dinikahkan dengan lelaki tersebut dalam waktu yang sudah di sepakati.

3. Acara Perkawinan

Acara perkawinan adalah peristiwa yang amat penting yang bukan saja kepada pasangan pengantin tetapi kepada ibu bapa dan keluarga serta

[3]Ahmad Baei Haji Jaafar, *Panduan Calon Pengantin: Seri Panduan Hidup Mukmin* (Kuala Lumpur: Giliran Timur Books, 2015), 13.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

sahabat karib. Kebiasaannya acara perkawinan dilaksanakan secara besar-besaran maupun secara kecil-kecilan tergantung kepada persetujuan diantara pihak lelaki dan pihak perempuan.

B. Rumusan Masalah

Dalam skripsi ini, penulis ingin mengetengahkan suatu yang telah ada dalam masyarakat ini, yaitu suatu yang boleh dikatakan budaya atau ciri khas dari perkawinan masyarakat Melanau sehingga hal ini dipandang perlu adanya kajian kebudayaan. Berdasarkan latar belakang dan rumusan masalah diatas, maka penulis merumuskan masalah-masalah pokok yang dikaji dalam skripsi ini sebagai berikut:

1. Bagaimanakah gambaran umum kondisi kehidupan desa Petanak?
2. Bagaimanakah proses perkawinan adat masyarakat Melanau?
3. Bagaimanakah perbedaan perlaksanaan perkawinan masyarakat Melanau Islam dan non-muslim?

C. Tujuan Penelititan

Dalam uraian masalah di atas, maka tujuan dalam penelitian ini adalah:

1. Mengetahui gambaran umum kondisi kehidupan desa Petanak.
2. Mengetahui dan memahami prosesi perkawinan adat masyarakat Melanau
3. Dapat memastikan dan membedakan perlaksanaan perkawinan diantara masyarakat Melanau Islam dan non-muslim.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

D. Kegunaan Penelitian

Kegunaan dalam penelitian ini adalah:

1. Bertujuan untuk menambah khazanah ilmu pengetahuan dan akan dijadikan sumbangan buat masyarakat Melanau.
2. Menyediakan rujukan kepada pengkaji sosio-budaya dan penyelidik tentang amalan budaya masyarakat Melanau di Desa Petanak, Mukah.
3. Untuk menambahkan khazanah ilmu pengetahuan dalam bidang Sejarah Dan Kebudayaan Islam di Fakultas Adab Dan Humaniora Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya

E. Pendekatan Dan Kerangka Teoritik

Dalam penulisan skripsi ini penulis menggunakan pendekatan etnografi. Etnografi adalah pendekatan empiris dan teoritis yang bertujuan mendapatkan deskripsi dan analisis mendalam tentang kebudayaan berdasarkan penelitian lapangan (fieldwork) yang intensif. Kajian budaya etnografi memusatkan diri pada penjelajahan kualitatif tentang nilai dan makna dalam konteks keseluruhan cara hidup masyarakat Melanau, yaitu dengan persoalan kebudayaan, dunia-kehidupan (life-worlds) dan identitas masyarakat Melanau sendiri. Dalam kajian budaya yang berorientasi media, pendekatan etnografi digunakan dalam skripsi peneliti yang berjudul "Adat Istiadat Perkawinan Masyarakat Melanau di Desa Petanak, Kecamatan Mukah, Kabupaten Kuching, Sarawak , Malaysia" yang diwakili beberapa bentuk metode

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

kualitatif, seperti pengamatan pelibatan, wawancara mendalam dan kelompok diskusi terarah.

Sedangkan untuk menguraikan tradisi kebudayaan itu, peneliti mengunakan teori Etnologi yang merupakan salah satu cabang ilmu antropologi. Terjemahan harfiah dari etnologi ialah ilmu bangsa-bangsa. Kata itu ada kelebihannya, yakni mengandung suatu petunjuk jelas pada obyek penyelidikan, yakni bangsa sebagai pengembang suatu kebudayaan tertentu.[4] Dalam Tradisi Perkawinan yang terdiri dari peralatan upacara, prosesi upacara, serta sistem keyakinan dan emosi keagamaan. Upacara perkawinan sebagai tradisi yang menjadi milik masyarakat Melanau masa kini.

F. Penelitian Terdahulu

Mengenai kajian tentang masyarakat Melanau sudah banyak yang menulis, akan tetapi, kajian yang membahas secara khusus tentang budaya adat perkawinan masyarakat Melanau di Desa Petanak, Mukah belum ada yang membahasnya. Namun ada beberapa karya tulis yang berhubungan dengan judul ini yang peneliti temukan. Penelitian ini berbeda dengan penelitian sebelumnya karena dalam penelitian terdahulu sebagian besar membahas masyarakat Melanau dan amalan upacara yang melibatkan agama sahaja. Adapun karya tulis tersebut antara lain:

[4] J. Van Baal, *Sejarah Dan Pertumbuhan Teori Antropologi Budaya (Hingga Dekade 1970),* jilid pertama, (Jakarta: PT. Gramedia), 5.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

1. Dr. Tengku Intan Zarina Bt Tengku Puji, *Analisa Terhadap Adat dan Keistimewaan Masyarakat Melanau Di Sarawak*, Mahasiswa Universitas Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Jurusan Dakwah.

   Fokus karya beliau adalah terhadap kepercayaan masyarakat Melanau dimana dapat disimpulkan bahawa masyarakat Melanau mempunyai adat kepercayaan tersendiri termasuk kepercayaan terhadap alam, asal usul makhluk, cara perubatan dan juga cara keramaian.

2. Jeniri Amir, *Masyarakat Melanau di Sarawak*, Tahun terbit: 2014, Jumlah halaman: 229. Penolong kanan dekan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di Fakulti Sains Sosial.

   Dalam buku ini, penulis prolifik, Dr, Jeniri Amir mengupas pelbagai persoalan tentang masyarakat Melanau, termasuk sejarah dan asal usul, sistem kekeluargaan dan kekerabatan, organisasi sosial, sistem kepercayaan, adat resam dan pantang larang, sistem politik dan kepimpinan, sistem dan kegiatan ekonomi, serta transformasi dan kemajuaannya tanpa mengetepikan aspek sejarah dan kehidupan masyarakat Melanau pada masa silam.

3. Dzulfawati Haji Hassan, *Upacara kematian Melanau Likow di Sarawak*, Tahun Terbit: 2006, Jumlah halaman: 120 halaman, Universiti Malaysia Sarawak.

   Penulis buku ini menjelaskan adat dan budaya kematian yang dilakukan oleh masyarakat Melanau. Secara lengkapnya, buku ini sesuai

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

dibaca bagi para pembaca yang mahu mengetahui secara lanjut akan kepercayaan dan budaya masyarakat Melanau terhadap kematian.

Adapun fokus penulisan skripsi yang saya tuliskan ini adalah berbeda daripada penelitian sebelumnya. Penulisan penelitian saya menfokuskan aspek adat istiadat perkawinan yang dilakukan oleh masyarakat Melanau.

G. Metode Penelitian

Dalam penelitian ini, metode etnografi yang bersifat kualitatif digunakan. Adapun langkah-langkah yang dilakukan adalah sebagai berikut:

1. Pengumpulan Data

   a. Jenis Data

      Jenis data yang akan dikumpulkan adalah jenis data primer dan sekunder. Data primer adalah data yang diperoleh dari informan dengan menggunakan wawancara dan pengamatan. Selain itu, data monografi dari Desa Petanak, Mukah juga digunakan. Dalam tulisan ini, wawancara terdiri dari Kepala Desa yaitu Bapak Wak Laen. Sedangkan data sekunder adalah data yang diperoleh dari dokumentasi, majalah atau bacaan lainnya yang berkaitan dengan judul yang akan dibahas.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

b. Teknik Pengumpulan Data

Untuk memperoleh data dalam penelitian ini maka peneliti menggunakan beberapa teknik diantaranya pengamatan, wawancara dan studi pustaka.

i. Pengamatan Terlibat (*Participant Observation*)

Pengamatan langsung dilakukan untuk memperoleh fakta nyata tentang budaya adat perkahwinan masyarakat Melanau, kemudian dilakukan pencatatan lapangan yang meliputi prosesi, perlengkapan dan tempat dilaksanakan tradisinya. Agar terpenuhinya standar ilmiah maka peneliti harus ikut berpartisipasi dalam prosesi tradisi tersebut dan ikut serta di dalamnya sebagai pelaku budayanya.[5]

ii. Wawancara

Wawancara adalah metode pengumpulan data dengan mengadakan dialog atau percakapan terkait dengan tema penelitian kepada informan.[6] Metode ini dimaksudkan untuk memperoleh data primer, karena data ini diperoleh langsung melalui wawancara dengan pelaku. Selain itu, wawancara juga diartikan sebagai percakapan dengan maksud tertentu.

[5]Suwardi Endraswara, *Metodologi Penelitian Kebudayaan* (Yogyaakarta: Gajah Mada University Press, 2006), 169.
[6]Lexi J. Moleong, *Metodologi Penelitian Kualitatif* (Bandung: PT Remaja Rosdakarya, 2006), 186.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Percakapan itu dilakukan oleh dua pihak, yaitu pewancara (interviewer) yang mengajukan pertanyaan dan yang diwawancarai (interview) yang memberikan jawaban atas pertanyaan itu (Moleong: 2002: 135).

iii. Dokumentasi

Peneliti melakukan dokumentasi yaitu pengumpulan data-data yang ada dengan menggunakan alat-alat dokumentasi seperti kamera dan perekam yaitu dengan mengambil foto-foto saat pelaksanaan perkahwinan di dalam masyarakat masyarakat Melanau.

iv. Penelusuran Pustaka

Dalam kaedah penelusuran pustaka ini, metode dokumentasi akan diaplikasi, iaitu dengan mendapatkan maklumat dan data melalui sumber sekunder dari perpustakaan, majalah dan sumber internet. Penelusuran pustaka boleh diartikan sebagai suatu teknik bagi seseorang penyelidik mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod.[7] Metode ini penting bagi tujuan mendapatkan informasi dan maklumat yang sahih dan tepat.

[7]Mohd Shaffie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987), 41.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

2. Analisis Data

Adapun data yang terkumpul bukanlah merupakan hasil akhir dari suatu penelitian ilmiah, tetapi data-data tersebut masih perlu dianalisis lagi. Dalam hal ini, peneliti menggunakan metode fenomenologi untuk menganalisis data yaitu mengungkapkan atau mendeskrispsikan makna yang nampak dalam sebuah data atau gejala. Dalam kerja penelitiannya, fenomenologi dapat mengacu pada tiga hal yaitu, filsafat, sejarah dan pada pengertian yang lebih luas.[8]Dalam kaitannya dengan tulisan ini, peneliti menggunakan acuan yang ketiga karena dianggap paling relevan dengan penelitian agama Islam dalam perspektif ilmu budaya. Metode ini bisa diterapkan dalam meneliti ajaran-ajaran, kegiatan-kegiatan, tradisi, dan simbol keagamaan.[9]

3. Penulisan

Setelah peneliti melakukan proses penggalian data dan penelitian dengan berbagai metode pendekatan, maka penulis melakukan proses penulisan dalam skripsi ini berdasarkan fakta dan data yang diperoleh selama penelitian.[10]

---

[8]Deden Ridwan, *Tradisi Baru Penelitian Agama Islam: Tinjauan antar Disiplin Ilmu* (Bandung: Nuansa Cendekia, 2001), 220.

[10]Dudung Abdurrahman, *Metode Penelitian Sejarah* (Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 1999), 67.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

H. Sistematika Bahasan

Bagi memudahkan perbincangan tajuk kajian ini, pengkaji telah membahagikan kajian kepada 5 bab yang utama. Setiap bab mengandungi tajuk-tajuk kecil dan mempunyai kaitan antara satu sama lain. Hasil penelitian ini ditulis berdasarkan fakta dan data yang diperolehi selama penelitian. Bab pertama merupakan pendahuluan yang merangkumi, latar belakang masalah kajian, rumusan masalah, tujuan penelitian, kegunaan penelitian, pendekatan dan kerangka teoritik, penelitian terdahulu, metode penelitian dan sistematika bahasan.

Bab kedua membahas secara rinci tentang desa Petanak, Mukah, letak geografis Desa Petanak, kependudukan dan kondisi sosial dalam hal keberagamaan dan kebudayaan yang dilakukan oleh masyarakat melanau di situ.

Bab ketiga pula akan menghuraikan dan menganalisis adat istiadat perkawinan masyarakat Melanau di Desa Petanak, Mukah. Dalam bab ini akan membahas atribut yang digunakan sewaktu perkawinan masyarakat Melanau, menjelaskan cara pelaksanaan masyarakat Melanau di Desa Petanak, Mukah sebelum, sewaktu dan setelah perkawinan.

Bab keempat, pengkaji cuba mendeskripsikan budaya adat perkawinan masyarakat Melanau di Desa Petanak, Mukah berdasarkan sistem agama dan kepercayaan diantara masyarakat Melanau Muslim dan yang bukan Muslim. Di dalam bab ini, pengkaji cuba menjelaskan adat perkawinan yang diamalkan masyarakat Melanau diantara kedua agama ini.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Bab kelima berisi kesimpulan dari seluruh pembahasan yang ada pada bab-bab sebelumnya dan dimuatkan juga saran.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id